

KESAN LEBUHRAYA TIMUR-BARAT KE
ATAS PEMBANGUNAN BANDAR GERIK.

HGL 409 - LATIHAN ILMIAH

Diajukan kepada Bahagian Geografi,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Untuk
memenuhi sebahagian daripada sya-
rat-syarat untuk memperolehi Ijazah
Sarjana Muda Sastera(Geografi)
Dengan Kepujian.

Oleh
Ahmad Khaizi Mahidin
Universiti Sains Malaysia
Sidang 1983/84.

Penyelia: En. Hassan Naziri
(Pengerusi Bahagian Geografi)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.
Februari 1984

KANDUNGAN

halaman

Daftar Isi

Daftar Isi

Prakata

1

Abstrak

iii

"SEMUGA PERJUANGAN INI

v

DI RESTUI ALLAH s.w.t"

vii

Daftar Isi

viii

Daftar Isi

1

Daftar Isi

3

Daftar Isi

4

Daftar Isi

5

Daftar Isi

6

Daftar Isi

7

Daftar Isi

8

Daftar Isi

22

Daftar Isi

Ku abadikan buat:

22

Bonda, Keluarga, dan Garik

23

Serimas dan rakan-

23

Rakan Tersayang. Bandar Garik

27

Daftar Isi

29

Daftar Isi

36

Daftar Isi

36

Daftar Isi

38

Daftar Isi

40

Daftar Isi

41

Daftar Isi

41

KANDUNGAN

muka surat

TAJUK	43
Kandungan	
Prakata	i
Abstrak	iii
Abstract	v
Senarai Jadual	vii
Senarai Peta	viii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Tujuan Kajian	3
1.2 Metodologi	4
1.3 Hipotesis	6
1.4 Sekop Kajian	6
1.5 Kawasan Kajian	7
1.6 Tinjauan bahan rujukan	9
BAB 2 LATARBELAKANG BANDAR GERIK	22
2.1 Sejarah Ringkas bandar Gerik	22
2.2 Ciri-ciri Geografi bandar Gerik	23
2.4 Penduduk bandar Gerik	23
2.5 Sumber kegiatan ekonomi bandar Gerik	27
2.6 Latarbelakang Lebuhraya Timur-Barat	29
BAB 3 BANDAR GERIK SEBELUM ADANYA LEBUHRAYA	36
3.1 Bandar Gerik selepas merdeka	36
3.2 Pentadbiran bandar Gerik	38
3.3 Gunatanah bandar Gerik sebelum lebuhraya Timur-Barat	40
3.4 Struktur bandar Gerik	42

3.5 Kemudahan Infrastruktur	43
3.6 Pembangunan bandar Gerik Sebelum Lebuhraya timur-barat	50
3.7 Kesimpulan	55
BAB 4 PEMBANGUNAN BANDAR GERIK SELEPAS LEBUHRAYA TIMUR-BARAT	58
4.1 Pengenalan	58
4.2 Pembangunan bandar Gerik	59
4.2.1 Perubahan Gunatanah bandar Gerik	60
4.2.2 Pembangunan infrastruktur	66
4.2.3 Pembangunan Pelajaran dan Kesihatan	74
4.2.4 Pembangunan ekonomi bandar Gerik	78
4.3 Pembangunan pengangkutan bandar Gerik	89
4.4 Pembangunan Penduduk bandar Gerik	92
4.5 Kesimpulan	95
BAB 5 KESAN PEMBANGUNAN, PROSPEK DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	98
5.2 Kesan Sosial	98
5.3 Prospek Bandar Gerik	103
5.4 Kesimpulan	109
Notakaki	119
Bibliografi	120
Lampiran A	121
Gambar-gambar	126

Prakata

Kursus Latihan Ilmiah adalah merupakan salah satu daripada kursus wajib dalam Bahagian Geografi yang mesti disempurnakan oleh pelajar-pelajar Geografi yang mengikuti kursus Pengajian Sistem Empat Tahun Universiti Sains Malaysia. Kursus Latihan Ilmiah ini yang diperkenalkan oleh Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan ini berjumlah 8 unit adalah diwajibkan kepada semua pelajar yang mengikuti kursus-kursus dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan kecuali pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pendidikan.

Penawaran kursus Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan untuk meninjau kemampuan para pelajar dalam mengendalikan urusan penyelidikan dan kajian luar secara bersendirian. Ianya juga secara tidak langsung untuk memperbanyakkan bahan bacaan dalam bahasa Malaysia khususnya dalam bidang Geografi.

Dalam menjayakan usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan ini, saya merasa amat terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu kerana sumbangan yang diberikan. Oleh itu menerusi ruangan ini ingin sekali saya sampaikan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Profesor Abdullah Hassan, pihak pentadbir USM, Pensyarah dan kakitangan

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan atas bantuan kemudahan tunjukajar dan nasihat serta bimbingan yang mereka berikan.

Ucapan Terima kasih ini juga saya tujukan kepada Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Yunit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan mereka yang terlibat yang sama-sama menjayakan kajian ini. Juga kepada orang-orang perseorangan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Akhirnya rakaman terima kasih ini saya tujukan kepada Encik Hassan Naziri, pensyarah Geografi di bahagian Geografi yang telah menyelia tulisan ini dan juga atas bantuan, tunjukajar dan nasihat yang diberikan.

AHMAD KHAIZI BIN MAHIDIN

Abstrak Kajian

Usaha-usaha kerajaan dalam memajukan negara telah membawa kepada wujudnya bandar-bandar baru dan bertambahnya bilangan bandar dalam negara ini. Dalam usaha ini kerajaan telah dengan Rancangan Malaysia Lima tahun dan Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamatkan kepada Pembangunan nasional, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat serta mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar telah mengujudkan pertumbuhan bandar-bandar baru dan menghidupkan kembali bandar-bandar yang telah mati.

Pertumbuhan bandar-bandar baru masa kini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti bahan mentah atau sumber asli, perhubungan yang maju, kedudukan bandar dan sebagainya. Ini jelas dapat dilihat seperti mana dari sejarah pertumbuhan bandar-bandar di Malaysia, bahan mentah seperti bijih timah dan perhubungan seperti jalanraya dan jalan keretapi telah membawa kepada munculnya bandar-bandar seperti Taiping, Kuala Lumpur, Ipoh dan sebagainya.

Dalam kajian ini akan diperlihatkan satu penilaian tentang kewujudan bandar Gerik dan pembangunannya selepas adanya lebuh raya Timur-Barat. Perbandingan antara tahun sebelum 1970 dan selepas tahun 1980 digunakan bagi melihat dan menilai akan pembangunannya. Tahun 1970 digunakan sebagai tahun membandingkan keadaan